

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 18 JUN 2015 (KHAMIS)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Gempa bumi lemah di Ranau, Sabah	Bernamea.com
2	Kekerapan hujan di Sabah dijangka sepanjang ramadhan	Bernamea.com
3	Pelan hadapi bencana gempa	Utusan Malaysia
4	Asean must prepare for nuke disaster	New Straits Times



## Gempa Bumi Lemah Di Ranau, Sabah

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Satu gempa bumi lemah berukuran 2.5 pada skala Richter dilaporkan berlaku di Ranau, Sabah, hari ini, kata [Jabatan Meteorologi](#).

Pusat gempa itu, yang berlaku pada 11.15 pagi, ialah di 5 kilometer dari utara Ranau, kata jabatan itu dalam satu kenyataan.

Pada 5 Jun, satu gempa bumi berukuran 5.9 pada skala Richter menggegarkan Ranau dan meragut 18 nyawa.

Sementara itu di sebelah petang, satu lagi gempa bumi lemah bermagnitud 3.4 pada skala Richter dikesan di Ranau.

Menurut Jabatan Meteorologi, kejadian itu berlaku pada jam 6.12 petang, 11km barat Ranau.

-- BERNAMA



## Kekerapan Hujan Di Sabah Dijangka Sepanjang Ramadan

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Kekerapan hujan yang diramalkan di Sabah sepanjang Ramadan ini menyebabkan tanah runtuh dan banjir kilat, menurut [Jabatan Meteorologi](#).

[Pegawai Meteorologi Kanan, Pusat Cuaca Nasional jabatan itu, Dr Mohd Hisham Mohd Anip](#) berkata perkara itu tidak mustahil berlaku kerana sepanjang Mac hingga Mei lepas, Sabah telah menerima kadar hujan yang sedikit iaitu di bawah paras purata 100 hingga 200mm.

"Ini menyebabkan struktur tanah kering dan kemudian apabila berlaku hujan, ia boleh menyebabkan berlakunya tanah runtuh kerana struktur tanah yang longgar dan risiko ini dihadapi oleh penduduk yang tinggal di kawasan cerun.

"Bagi penduduk yang tinggal di kawasan rendah pula, mereka terdedah kepada banjir kilat," katanya ketika dihubungi Bernama, di sini, hari ini.

Mohd Hisham berkata keadaan itu dijangka berlaku sepanjang Ramadan kerana ia terletak dalam tempoh monsun barat daya yang berlaku pada akhir Mei hingga September.

"Apabila berlaku monsun barat daya ini, hujan akan berkurangan di Sarawak dan negeri pantai barat Semenanjung, tetapi bagi utara dan pedalaman pantai timur di Sabah, ia lebih banyak menerima kekerapan hari yang hujan berbanding musim sebelumnya," katanya.

Menurutnya, suhu di Sabah sepanjang Ramadan diramalkan 31 hingga 33 darjah celsius dengan kadar taburan hujan antara 200 hingga 300mm.

Mohd Hisham turut memberikan contoh beberapa tempat di daerah Sabah yang kurang menerima hujan sepanjang monsun ini berlaku.

"Jumlah hujan di Kota Kinabalu pada bulan ini sepatutnya 300mm, tetapi hanya menerima 100mm sahaja...di Ranau pula, hanya 75mm sahaja kadar hujan diterima dan sepatutnya bulan Jun ini, jumlah hujan lebih tinggi dari sebelumnya," katanya.

Justeru, beliau meminta penduduk di Sabah terutama di sekitar kawasan cerun dan kawasan rendah untuk sentiasa berwaspada dan Jabatan Meteorologi akan sentiasa memantau sebarang keadaan yang berlaku.

"Kami akan mengeluarkan amaran dari semasa ke semasa kalau dijangka hujan lebat sepanjang tempoh terdekat," katanya.

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (RENCANA) : MUKA SURAT 11**  
**TARIKH : 18 JUN 2015 (KHAMIS)**

## Pelan hadapi bencana gempa

**I**NSTITUT Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (Niosh) ingin menyampaikan salam takziah kepada keluarga mangsa gempa bumi di Ranau, Sabah, baru-baru ini. Doa dan ingatan kami sentiasa bersama-sama mangsa yang terkorban.

Saya juga ingin memberi penghormatan kepada semua malim gunung yang membantu pengembara gunung yang ketakutan selepas kejadian gempa bumi berskala 5.9 magnitud dan juga kesudian mereka menghulurkan bantuan dengan memimpin operasi mencari dan menyelamatkan bagi mencari mereka yang masih hilang.

Kita semua terharu membaca berita mengenai malim gunung Robbi Sapinggi dan Valerian Joannes yang meninggal dunia dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa pendaki lain. Walaupun mereka telah meninggal dunia, tetapi keberanian dan pengorbanan mereka perlu diberi pengiktirafan.

Walaupun terdapat kekurangan, usaha mereka yang terlibat di dalam operasi mencari dan menyelamatkan dalam keadaan yang amat berbahaya harus dihargai dan diberi pujian.

Tragedi terkini ini membangkitkan kesedaran atau umpama 'wake-up call' kepada kerajaan, semua jabatan dan agensi kerajaan, badan-badan profesional dan lain-lain bagi menilai semula prosedur yang sedia ada, sama ada mereka sudah bersedia untuk menghadapi kejadian gempa di masa depan apabila Jabatan Meteorologi telah mengesahkan bahawa negeri Sabah berisiko tinggi mengalami kejadian gempa bumi.

Bedah siasat perlu dijalankan bagi aktiviti operasi mencari dan menyelamatkan dengan menentukan penambahbaikan yang dapat dilakukan terutamanya dalam bidang koordinasi dan komunikasi. Pelan tindakan kecemasan yang sedia ada perlu dikaji semula supaya lebih berkesan.

Kod bangunan dan undang-undang kecil perlu diberi perhatian dengan mendapatkan input daripada mereka yang pakar dan profesional dalam bidang berkaitan tentang reka bentuk bangunan yang selamat dan mampu menahan gegaran gempa bumi. Kita boleh belajar banyak daripada Dasar Pandang Ke Timur dalam hal ini.

Kerajaan juga perlu mendengar kritikan dan cadangan membina daripada pelbagai badan profesional dan organisasi yang mempunyai cadangan tidak ternilai dalam menambah baik sistem maklum balas kecemasan dan usaha mencari dan menyelamatkan.

Teknologi canggih yang dimiliki hendaklah digunakan untuk merangka satu sistem amaran awal bagi mempersiapkan Malaysia menghadapi segala bentuk bencana alam besar seperti tsunami, banjir besar, gempa bumi dan lain-lain pada masa akan datang.

Pakar dan pengamal keselamatan boleh membantu untuk mengukuhkan pelan persiapan menghadapi bencana bagi mengurangkan atau mungkin mengelakkan kecederaan dan kematian yang disebabkan oleh gempa bumi.

Rentetan kejadian gempa yang terkini, rakyat Malaysia, terutamanya yang berada di Sabah dan Sarawak perlu sedar bahawa sudah tiba masanya bagi mereka untuk keluar dari 'zon selesa' dan sentiasa berjaga-jaga.

Isu keselamatan tidak boleh dipandang remeh. Kita perlu mula menunjukkan lebih minat dan aktif mengambil bahagian serta menganjurkan latihan keselamatan pada setiap tahun supaya sentiasa bersedia menghadapi sebarang bencana atau kecemasan.

Rakyat Malaysia yang mempunyai sikap acuh tak acuh terhadap keselamatan bukan sahaja perlu mengubah sikap mereka tetapi juga perlu bersedia untuk mengubah sikap orang lain agar memberikan perhatian serius dalam aspek keselamatan.

Malaysia perlu mencontohi Jepun dan Korea dan memberikan perhatian dalam pembangunan pendidikan keselamatan dan semua bentuk latihan keselamatan atau 'drill' keselamatan sama ada berkenaan dengan gempa bumi atau kecemasan lain.

Kejadian gempa bumi memang tidak dapat dielakkan, tetapi kerosakan harta benda akibat gempa bumi boleh dikurangkan. Ramai orang berfikir bahawa kemusnahan yang berpunca daripada kejadian gempa bumi tidak dapat dielakkan, dan menganggap bahawa satu-satunya pilihan kita adalah untuk mengutip semula sisa serpihan yang ada selepas gegaran berhenti.

Kerosakan akibat gempa bumi dan kerugian boleh dikawal dengan mengambil langkah-langkah keselamatan sebelum, semasa, dan selepas kejadian gempa bumi itu.

Tujuh langkah yang dinyatakan di bawah menunjukkan bagaimana kita boleh menjadi lebih bersedia dan selamat dengan mengetahui apa yang perlu dilakukan sebelum, semasa, dan selepas kejadian gempa bumi. Langkah-langkah keselamatan yang dicadangkan juga boleh menjimatkan kos apabila struktur bangunan dan isi dalamannya tidak rosak.

Selain mengikuti langkah-langkah di rumah, mereka juga perlu mengamalkannya di sekolah, tempat kerja dan kemudahan lain. Jika kita semua ikuti langkah-langkah ini, kita mampu menjimatkan berjuta-juta ringgit dalam menghadapi gempa bumi yang akan datang. Perkara yang paling penting, kita mampu mengurangkan risiko kecederaan atau kematian.

**TAN SRI LEE LAM THYE** ialah Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (Niosh).

